

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 24 Julai 2016 13:01
To: UUM - All Staff
Subject: IPQ BINCANG KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SIRIM DAN MPC



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



24 Julai 2016/ 19 Syawal 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ BINCANG KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SIRIM DAN MPC



IPQ ONLINE : Pada 20 Julai 2016, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) UUM telah mengadakan perbincangan kerjasama dengan SIRIM STS (Standard + Training + Consultancy), Shah Alam Selangor dan Malaysia Productivity Corporation (MPC), Petaling Jaya Selangor. Perbincangan berasingan ini telah diadakan di premis masing-masing iaitu di SIRIM dan MPC.

Tujuan utama perbincangan adalah untuk wujudkan *synergy* bagi pelaksanaan strategi yang lebih kompetitif dan tambah nilai yang lebih berkesan kepada organisasi dan pelanggan masing-masing. Menurut Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah, Pengarah IPQ, perbincangan kerjasama ini amat penting bagi meningkatkan lagi daya saing dan imej UUM di samping penambahbaikan terhadap penawaran produk atau servis yang membawa kepada nilai tambah yang tinggi untuk kedua belah pihak. Tambah beliau lagi, usaha kolaborasi ini penting sebagai *platform* UUM untuk terus memantapkan penawaran servisnya dan seterusnya mampu berdepan persekitaran global yang semakin mencabar. Turut serta di dalam perbincangan ini juga adalah Dr Noor Hasmini Hj Abd Ghani, Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti IPQ UUM.

Bagi merealisasikan hubungan kerjasama ini, pembentukan MOU antara kedua belah pihak telah dirancang dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Perbincangan bersama pihak SIRIM ini telah diketuai oleh Dr Azman Idris, Pengurus Besar Kanan

SIRIM STS Sdn Bhd. Manakala, perbincangan bersama pihak MPC pula diketuai oleh Tuan Hj. Ab. Rahim Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah MPC.

Harapan IPQ, semoga usaha kerjasama ini akan terus memberi yang terbaik kepada universiti dan pelajar-pelajar amnya. Di samping itu, program-program yang di rancang dan dilaksanakan nanti sekaligus diharapkan dapat menambahbaik kualiti perkhidmatan UUM dan seterusnya mampu meningkatkan nilai tambah kepada semua pemegang taruh dan akhirnya dapat membantu merealisasikan visi UUM iaitu menjadi sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4670/4679

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>

